

## DARIPADA PENGARAH URUSAN

JILID 2/2020 - ISU 16 30hb Jun, 2020

Kepada semua,

Kerajaan telah memutuskan bahawa semua perniagaan dan aktiviti dibenarkan beroperasi, tetapi dengan amalan yang baik. Adalah baik untuk berhati-hati dan di Sapulut, kita harus terus mengikuti praktik dan standard yang telah kita pakai semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di negara-negara yang beroperasi semula, mereka yang tidak menggunakan pendekatan pencegahan, terus mengalami kes-kes baru. Covid-19 akan bersama kita untuk seketika, jadi berhati-hatilah.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang membantu kami:

**Teddy dan Peter - Mengendalikan FMU 14 dalam tempoh PKP/PKPB**

**Jeffrey dan Johnson - Penghasilan SOP mengenai pencegahan Covid-19 di kem dan memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di kem secara berterusan dalam tempoh PKP/PKPB**

**Jeffica, Aprilecent dan Lyevivialyne - Keselamatan dan Pengawalan Akses ke kawasan Sapulut**

**Mary dan Logiman - Pemeriksaan Kesihatan**

**Eve, Albert dan Joeyce - Bertanggungjawab bagi pengangkutan dan logistik di Sapulut**

**Michelle dan Kem FAD - bekalan makanan dan penyediaan makanan bagi mereka yang dikuarantin**

**Stephen G, Safinah, Stephine dan Roney - memastikan bekalan PPE (topeng muka, pembersih, dll.) sampai di kem**

**Matthew, Bryant dan Julie - merancang dan memastikan kewangan syarikat dapat menampung perbelanjaan syarikat dalam tempoh kritikal.**

Ada yang baru sahaja melengkapkan laporan penilaian pertengahan tahun mereka. Secara amnya saya dapati bahawa kita bersemangat, berminat untuk memperbaiki diri dan menyedari kepentingan kerja berpasukan. Sebilangan daripada anda telah menggunakan kesempatan ini untuk memberi maklum balas kepada penyelia/ketua dan MDO. Ini sangat bagus, tetapi jangan tunggu penilaian pertengahan tahun untuk melakukannya. Lakukanlah bila perlu, supaya kita juga dapat terus memperbaiki diri.

Satu maklum balas yang diterima oleh MDO adalah bahawa kami tidak cukup kerap mengunjungi kem dan tidak melihat kejadian sebenar di lapangan. Untuk ini, saya mengaku bersalah dan akan memperbaiki diri. Dalam Pelan Induk kami (dalam proses), terdapat pengiktirafan bahawa kayu daripada ladang hutan (FPT) adalah masa depan. Timber Association of Sabah (TAS) mendorong perubahan dalam kerangka peraturan, yang mempengaruhi polisi, yang seterusnya mempengaruhi prosedur dan perbelanjaan operasi. Ia adalah kerja keras dan kami gembira Jabatan Perhutanan Sabah terbuka dan bersedia untuk mendengar. Namun begitu, mereka mungkin memerlukan masa untuk menerima perubahan tersebut dan menerapkannya.

Tetapi di Sapulut, kami optimis dan oleh itu kita melabur di masa hadapan. Perkara yang dapat dilihat adalah rumah hijau (yang akan meningkatkan ketersediaan dan penanaman anak benih kita), dan desakan kita untuk membuat dan menguji panel CLT untuk lenturan, pemampatan, 'shear', ikatan, ketumpatan dan 'bulking'. Ini diperlukan agar kita dapat memberikan input dalam pengembangan standard Malaysia untuk CLT, dan juga input kepada jurutera awam dan jurutera struktur kita untuk merancang struktur untuk prototaip CLT kita.

Sumber bahan untuk CLT adalah Albizia dan Laran, dua spesies tanaman yang kita tanam. Kami melihat potensi yang baik untuk bangunan yang mapan untuk masa depan yang lestari. Dan kami mahu anda menjadi sebahagian daripada perjalanan ini.

Terima Kasih.

**Norman Wong,**

Pengarah Urusan

30hb Jun, 2020

### RINGKASAN VISI SAPULUT

#### NILAI-NILAI DASAR

- Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahui;
- Cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan rakan dan alam semulajadi;
- Mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan;
- Peningkatan dan pembaharuan diri dan Sapulut yang berterusan melalui proses latihan dan pembelajaran, dan mempraktikkan "Saya lihat, Saya berfikir dan Saya lakukan".
- Disiplin - disiplin diri, pemikiran dan tingkah laku yang berdisiplin;
- Melaksanakan tugas biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan;
- Mengetahui peraturan-peraturan, dan tahu bagaimana untuk memecahkannya dengan cara yang betul.
- Cetusan idea adalah mudah tetapi pelaksanaan adalah segala-galanya. Ia memerlukan pasukan untuk menjayakannya.

### MATLAMAT

- Memulihkan hutan semula jadi dan menguruskannya secara mampan.
- Hutan semulajadi yang mampan bergantung kepada ketersediaan bekalan alternatif dari kayu hutan perladangan.
- Ketersediaan bekalan dari kayu hutan perladangan bergantung kepada pembangunan kayu hutan perladangan.

### JANJI SYARIKAT

Bekalan kayu dari hutan semula jadi dan hutan perladangan yang konsisten, boleh diramal dan mampan.

### NEWSLETTER TEAM

KK Office: Deckna Mosinoh,  
Adrianna C. Jaudi

Base Camp: Teddy Sius, Johnson Joseph  
Eve Asjera Janim

Sepanjang kami menerbitkan buletin ini, kami sentiasa mencari cara untuk memperbaiki dan memaparkan kandungan yang anda dapati menarik dan bermanfaat.

Cara terbaik bagi kami untuk membuat buletin ini dengan lebih baik adalah dengan mendengar dari anda. Kami gembira untuk mendapatkan apa-apa maklumbalas, artikel atau cadangan yang anda fikirkan perlu dimasukkan.

Anda boleh e-mel kepada kami di [newsletter@sapulut.com](mailto:newsletter@sapulut.com)



# PROJEK RUMAH HIJAU: Cabaran dan Rintangan

Seperti yang kita sedia maklum, kita adalah dalam fasa menaik taraf nurseri kita dengan Projek Rumah Hijau. Pembinaan rumah hijau ini adalah untuk menangani cabaran dan masalah yang kita hadapi dengan nurseri kita. Cabaran utama nurseri pada masa lalu adalah masalah perosak dan penyakit yang mengganggu pengeluaran terutamanya serangan kulat (rendaman). Keadaan lembap di nurseri menyebabkan lebih daripada 10,000 kes kematian pada bulan musim hujan. Untuk memastikan pengeluaran anak benih yang sihat di bawah persekitaran yang terkawal, projek penambahbaikan nurseri telah dimulakan pada bulan Julai 2019. Projek rumah hijau adalah untuk menampung jumlah semaian yang lebih tinggi yang diperlukan oleh sistem BASIL 100. Tambahan pula, rumah hijau dapat menampung perubahan sistem nurseri kita dari beg poli ke dulang. Setelah menyelesaikan pengeluaran purata yang diperlukan untuk rumah hijau untuk menampung, kontrak telah ditandatangani pada Februari 2020. Walau bagaimanapun, kerana Perintah Kawalan Pergerakan, projek ini hanya bermula pada bulan Jun 2020.



Penyediaan tapak untuk pembinaan rumah hijau.

Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh pasukan kami dalam tempoh ini, terutamanya kekurangan komunikasi antara jabatan-jabatan berkenaan dengan perintah kerja kepada kontraktor. Cabaran lain adalah pengeluaran berterusan dengan ruang terhad yang ada. Tanah tersebut telah dibuka dan siap untuk kerja tanah pada akhir tahun 2019 kerana nurseri menghadapi kesukaran untuk menghasilkan anak benih. Cabaran ketiga adalah kekurangan biji laran putih yang baik. Buah laran putih dikumpulkan dari 5 pokok ibu pada akhir tahun 2019 semasa musim buah. Namun, hanya 3 pokok induk yang tinggi kadar percambahannya. Setelah berbincang dengan pegawai yang bertanggungjawab dalam nurseri itu, Flerrencius dan pasukan R&D, kami memutuskan untuk menumpukan perhatian untuk pengeluaran benih untuk pokok induk dengan kadar percambahan yang tinggi. Kami juga memutuskan untuk membersihkan anak benih yang ditumbuhi untuk memberi ruang kepada anak benih yang baru tumbuh.

**Hue Su Wah**

Forest Resource Manager,  
30hb Jun 2020



Susun atur rumah hijau di tapak.



Lantai rumah hijau dikonkrit.

Jutaan terima kasih kami berikan kepada En. Thadeus Kinsail @ Lee Hon Fah atau lebih dikenali sebagai Mr. Jason di kalangan pekerja atas komitmen, usaha dan bimbingan sepanjang perkhidmatannya selama lebih dari 16 tahun dengan Sapulut. Semoga Berjaya, Mr. Jason!





# Fasa 8 Latihan & Bimbingan Lean Six Sigma

## Edward Lee

Fasa ke-8 Latihan dan Bimbingan Lean Six Sigma telah diperluaskan kepada Jabatan Road Building and Road Maintenance (RBRM) bermula dari 11 Februari 2020 sehingga 14 Februari 2020 dan kemudiannya disambung dari 24 Februari 2020 sehingga 28 Februari 2020 di Bilik Mesyuarat Kompleks Perhutanan. Peserta-peserta kali ini adalah Effendy @ Andy, Joeyce Walter, Primus Dian, Jubili Lausing, Baritoh Angalum, Daivon Indok, Juman Edward dan Flerrencius Jossilin. Para peserta menumpukan kepada Proses Pembukaan Jalan Baru untuk NFM dan Proses Memperbaiki Jalan di ITP. Silibus bimbingan yang telah digunakan pada bimbingan kali ini adalah sama seperti yang sebelumnya. Ucapan penutupan untuk sesi bimbingan disempurnakan oleh Joeyce Walter sebagai Acting HOD untuk MEVD dan RBRM. Dalam ucapannya, dia menekankan kepada para peserta bahawa ilmu yang telah mereka dapat haruslah di praktikkan dalam pekerjaan mereka dengan bersungguh-sungguh. Kemudian, dia menyampaikan sijil penyertaan kepada semua peserta dan sesi ini ditamatkan dengan gambar berkumpulan.



Gambar 1 & 2 : Cabaran Marshmallow oleh pasukan Daivon (sebelum & selepas)

Gambar 3 : Pasukan Daivon menyenaraikan pembaziran.  
Gambar 4 : Pasukan Joeyce membuat latihan Value Stream Mapping.



Gambar 5: Permainan Spot Dot untuk konsep Kanban dan Bottle Neck.  
Gambar 6: Permainan Lego —Juman.

Gambar 7: Gambar berkumpulan dengan para peserta berserta dengan sijil mereka.

### KERJA BERPASUKAN YANG HEBAT DARIPADA PELAPIS KEDUA

Hi semua, sepertimana yang saya janjikan, artikel ini adalah mengenai bagaimana Manchester United (MU) memenangi Liga Kejuaraan pada tahun 1999 walaupun Bayern Munich (BM) mendahului permainan. Semasa separuh masa pertama perlawanan itu, BM mendahului 1-0 kepada MU. Kumpulan pemain pertama adalah 11 pemain utama.

Perlawanan hanya tinggal 8 minit untuk berakhir apabila Alex Ferguson memutuskan untuk menggantikan dua pemain bagi membolehkan dua pemain iaitu Teddy S... (oppsss! Tentunya bukan saya) (Teddy Sheringham) dan Ole Gunner untuk bermain dan mereka telah menjaringkan gol 1—2 yang membuat MU memenangi Liga Kejuaraan. Saya menonton perlawanan ini di televisyen dan tidak menyedari bahawa saya akan bercakap mengenainya suatu hari nanti.

Di Sapulut, kita mempunyai pasukan hebat termasukla pekerja barisan kedua (pelapis) dan pekerja di bawah seliaan kita. Saya ingin mengambil contoh ketika kita menjalankan audit pengawasan kedua untuk Malaysian Criteria & Indicator (MC&I) bagi Hutan Asli, juruaudit menyedari bahawa barisan pelapis kita dapat menjelaskan pertanyaan yang dikemukakan oleh juruaudit. Walaubagaimanapun, pasukan kita perlu terus dibina untuk menjadikannya lebih kuat.

Ada kalanya dalam situasi seperti itu, kita terlepas pandang untuk menyedari usaha dan sumbangan mereka untuk syarikat. Sebilangan orang cenderung untuk mengambil kredit atas idea orang lain dan mendakwa bahawa idea tersebut adalah idea mereka sendiri.

Sebahagiannya bersikap suka menunjuk atau mengabaikan ahli pasukan mereka yang lain atau tidak melibatkan mereka ketika melakukan sesuatu kerja.

Sebagai pasukan Sapulut, ada banyak cara untuk kita mengenali sumbangan dan komitmen ini. Salah satunya adalah dengan memberikan pengiktirafan seperti membuat nama mereka dikenali ketika bertemu dengan pengurus atasan ketika idea atau usaha, datang dari mereka untuk membuat mereka rasa dihargai.

Cara lain yang boleh kita lakukan adalah ketika kita menghantar e-mel kepada HOD, kita juga boleh memasukkan nama mereka dalam e-mel tersebut (penerima e-mel) agar mereka mengetahuinya dan merasa penting dan menjadi sebahagian daripada pasukan, kecuali perkara yang peribadi dan sulit.

Perkara di atas adalah sinonim dengan Nilai Dasar kita iaitu cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan-rakan dan alam semulajadi serta mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan.

Saya percaya kita semua mempunyai cara tersendiri untuk memberikan penghargaan kita kepada pasukan kita. Jadi, pergilah dan lakukanlah dalam cara yang terbaik bagi anda. Terima Kasih!

#staysafestayhealthy

**Teddy Sius**

FMU Pengurus Eksekutif FMU

@ Baufort Hospital


9hb Jun 2020



# PANDEMIK COVID-19: Jalan dari Bertahan hingga Berjaya

Kita sekarang hidup dalam masa yang belum pernah terjadi sebelumnya. Pandemi Covid-19 bukan hanya krisis kesihatan dengan jumlah yang besar, tetapi juga telah mengakibatkan penstrukturan semula susunan ekonomi dan social global yang akan segera berlaku. Kita sekarang tertanya-tanya bilakan krisis ini akan berlalu (atau adakah ianya akan berlalu) dan adakah kehidupan kita akan kembali normal. Soalan kekal “Apakah normal yang baru?” dan “Bagaimanakah kita harus menuju ke arah cara hidup normal yang baru dan berkembang maju?”

Kita semua berusaha untuk menyesuaikan diri dengan normal yang baru dan berkembang untuk jangka masa yang panjang. Kerajaan Malaysia secara proaktif mengarahkan negara melalui masa krisis yang mencabar ini dan untuk menyesuaikan diri dengan normal yang baru dengan menerapkan pendekatan yang difokuskan pada enam (6) langkah utama berikut.



Bagi Sapulut, kami juga telah melakukan langkah serupa untuk memastikan kita dapat memenangi “peperangan”. Kita akan terus mencari jalan dari segi ekonomi dan social dari sekarang sehingga keadaan normal baru yang mantap iaitu dari fasa bertahan sehingga ke entity yang berkembang maju dalam masa terdekat. Kami telah mengambil langkah awal untuk menangani ancaman virus Covid-19 dengan menahan penyebaran virus dengan mematuhi PKP dan menghentikan seluruh operasi kami. Semua pekerja telah menunjukkan komitmen, pengorbanan dan kerjasama yang tinggi untuk melindungi mata pencarian kita dan memastikan ketahanan dan kelangsungan kewangan syarikat. Pelbagai langkah penjimatan diperlukan untuk menguruskan kecairan aliran tunai kita untuk memastikan keupayaan syarikat melangsaikan hutang dan perbelanjaan. Kita kini ke arah untuk memulakan semula operasi perniagaan kita yang akan menuju ke jalan pemulihan, revitalisasi dan reformasi. Dalam beberapa bulan akan datang, kita mengharapkan untuk menghadapi persekitaran perniagaan yang sangat mencabar dna kita harus bergerak dengan teratur dan terkawal dalam mod operasi yang lengkap sehingga kita kembali normal. Kita akan memberi perhatian khusus kepada bidang-bidang berikut untuk memulihkan operasi dan kesihatan kewangan kita setelah penutupan yang teruk untuk berkembang.

## 1. Pemulihan Pendapatan

Kita perlu memikirkan semula bagaimana untuk memulihkan pendapatan kita bagi perspektif jangka pendek, sederhana dan panjang dalam masa terpendek. Kepantasan adalah penting dan kita harus bertindak balas dengan pantas untuk pemulihan rantaian bekalan dari pasaran domestik ke pasaran antarabangsa. Jabatan Pemasaran sudah mulai memeriksa profil pendapatan kita untuk mencari cara bagi meningkatkan/memulihkan pendapatan syarikat dengan meningkatkan bahagian pasaran pelanggan kita yang sedia ada dan pelanggan baru dalam masa yang sesingkat mungkin. Kami akan terus mencari cara untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan kita untuk membina kesetiaan pelanggan. Kita juga menyedari keperluan untuk memberi maklum balas yang cepat kepada perubahan pasaran dari segi permintaan dan pembekalan dan untuk menyesuaikan jadual pengeluaran kita sewajarnya. Kita akan terus mengenalpasti dan mengutamakan peluang pendapatan.

## 2. Operasi Revitalisasi/Pembangunan Semula (Penuaian dan Penanaman)

Kita harus merevitalisasi dan mencipta kembali bagaimana kita bekerja untuk membangun ketahanan operasi, produktiviti, kecekapan dan desakan/kepantasan yang lebih besar. Pengurusan akan terus menerima pakai strategi ketelusan yang lebih besar dalam perbelanjaan kita, pengukuran prestasi operasi dan kewangan semua jabatan, meningkatkan kecekapan dan (terutama) pengurangan pembaziran kos (contohnya kehilangan kayu di stumping, penalti yang dikenakan oleh Jabatan Perhutanan, produktiviti pekerja yang rendah, dll.). Kita akan terus maju ke hadapan dan menerapkan digitalisasi aliran kerja untuk tujuan pemantauan dan perancangan. Contohnya adalah penggunaan data dari laporan LFIS dan CHP dalam membuat keputusan dan pemantauan operasi. Data tersedia dan kita hanya perlu mengubahnya menjadi maklumat yang berguna untuk beroperasi pada tahap kecekapan yang lebih tinggi. Akan ada pengukuran dan penilaian prestasi yang lebih kerap dan penekanan pada kebertanggungjawaban akan keseluruhan prestasi.

## 3. Merevitalisasi/Memikirkan Semula Budaya Organisasi

Sumber manusia tetap menjadi teras dan set terpenting syarikat. Kita perlu MELANGKAH dan bekerja dengan tujuan yang jelas, tetap focus, menunjukkan rasa tujuan dan urgensi yang lebih besar, mengambil hak kepemilikan dan kepimpinan dalam pekerjaan kita. Harus ada peningkatan keberanian dalam hak kepemilikan pekerjaan kita dan mengambil keputusan yang lebih cepat oleh pekerja di semua peringkat. Kami memerlukan lebih banyak pasukan yang membuat keputusan lebih baik dan pantas di lapangan. Krisis Covid-19 telah menunjukkan bahawa kita mampu membina pasukan yang menunjukkan semua kualiti yang disebutkan di atas dan banyak lagi. Contoh utama adalah penubuhan pasukan kecil pekerja di bawah Komiti Covid-19 Sapulut (SCC). SCC telah menunjukkan dalam masa yang singkat mereka boleh menangani krisis,

bertindak dengan segera dan bertanggungjawab, dan membuat keputusan yang cepat dan baik. Ini mungkin dilakukan dengan rasa tujuan bersama, budaya kerja dan prestasi bersama, mengetahui nilai-nilai teras kami dan apa yang kami perjuangkan; dan keberanian dalam membuat keputusan semasa melaksanakan dan menyelesaikan sesuatu. Diharapkan lebih banyak delegasi dan desentralisasi pengambilan keputusan ke rangkaian pasukan selepas ini. Mari kita semua MENINGKATKAN kerja harian kita dengan memupuk budaya organisasi/kerja yang baru apabila kita kembali ke tempat kerja kita. Kita perlu mengubah cara kita bekerja.

## 4. Adaptasi Digital untuk Reformasi/Reimajinasi

Beberapa bulan kebelakangan ini, kita telah melihat perubahan dalam cara kita berinteraksi antara satu sama lain, melakukan kerja kita, menjalankan mesyuarat dan banyak lagi transaksi kehidupan rutin. Perubahan ini telah mempercepatkan penghijrahan ke teknologi digital dan penyebaran pekerjaan jarak jauh yang lebih besar dan perkhidmatan akses digital ke lebih banyak domain. Penyelesaian digital dan penggunaan teknologi “Cloud” dan automasi akan memainkan peranan penting kerana kita menggunakan lebih banyak data dan analitik untuk menavigasi proses membuat keputusan, pengurusan aset, kawalan produks dan inventori, ramalan penjualan dan permintaan, dll. Reimajinasi/reformasi dengan penggunaan data, kerja jarak jauh dan AI diperlukan untuk mengurus operasi kita dengan lebih baik (meningkatkan produktiviti dan kecekapan) dan memungkinkan pengambilan keputusan yang lebih cepat dan lebih baik.

Kesimpulannya, kita perlu memiliki imaginasi baru, pola pemikiran baru, kepimpinan dari semua peringkat, pelaksanaan rancangan dan operasi perniagaan kita yang lebih baik, tetap tangkas dan cepat dalam membuat keputusan, bertindak segera, mempercepat analisis digital, dll. yang semuanya adalah penting jika kita ingin menembusi krisis pasca Covid-19. Perniagaan seperti biasa (BAU) tidak akan mencukupi kerana persekitaran perniagaan telah berubah terlalu banyak dan kini permainan bola sama sekali berbeza. Kita semua harus mengubah cara kita bekerja dan menyesuaikan diri dengan yang baru agar dapat menjadi landasan untuk bertahan dalam kejayaan dan berkembang dalam industri kita.

**Matthew Wong**

Pengurus Kewangan  
2hb Julai 2020



# PENCEGAHAN COVID-19:

- Johnson Joseph

Komiti Sapulut COVID-19 (SCC) dan pihak pengurusan ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pencegahan penyebaran COVID-19 di Sapulut FMU 14 terutamanya mereka yang telah menawarkan diri dan semua jabatan yang terlibat dalam penyediaan pusat kuarantin di ITC.

Pasukan Purchasing - En. Stephen Garces, Safinah, Stephine dan Roney

Pembekalan Makanan - Michelle Lo

Penyediaan makanan dan memasak - Maryline dan Maria

Pasukan Pembasmian Kuman/Pembersihan - Pekerja dari Jabatan Forest Support Services dan Forest Protection

Keselamatan - Aprilecent dan pasukan

Bekalan Air - Albert dan pasukan



Teddy, Johnson dan Mary memberikan taklimat mengenai COVID-19



Logiman membuat pemantauan suhu



Mary, Eve dan Jumaini mengambil bacaan suhu badan para pekerja dan kontraktor



Johnson memberikan taklimat mengenai peraturan dan SOP semasa berada dalam pusat kuarantin.



Lawatan daripada Kementerian Kesihatan Sabah, Mr Soloman ke pusat kuarantin Sapulut



Domerlus dan Jarius melakukan pembasmian kuman/virus di pusat kuarantin



Penambahbaikan dalam Pencegahan Covid-19 di tempat kerja